

PELAKSANAAN *KHIYĀR TADLĪS* (PILIHAN PENIPUAN) DALAM PRINSIP OPTION (PILIHAN) DALAM UNDANG-UNDANG JUALAN BARANGAN : KAJIAN BAHAGIAN II AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999 (AKTA 599)

*Hasri Harun,
Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Prof. Madya Dr Shofian Ahmad,
Timbalan Dekan, Hubungan Siswazah Fakulti Pengajian Islam UKM*

*Prof Madya Dr Ruzian Markom,
Timbalan Dekan Fakulti Undang-Undang UKM*

Abstrak

Hak pengguna dalam transaksi jualan barangan adalah satu perkara yang sangat penting dan sentiasa diperdebatkan dalam media masa samada media cetak atau elektronik. Hak pengguna ini mesti diberi keutamaan kerana ianya dapat mengelakkan sebarang penipuan, pemalsuan dan sebarang kesilapan semasa bertransaksi. Antara hak yang diketengahkan ialah satu elemen yang dipanggil *khiyār* (*pilihan*). *Khiyār* ialah satu hak yang diberikan kepada penjual dan pembeli dalam meneruskan transaksi atau membatalkannya. Hak ini penting kepada pengguna bagi menyelamatkan mereka daripada terus ditipu oleh penjual yang tidak bertanggungjawab. Kertas ini bertujuan menghurai konsep *Khiyār Tādliīs* serta hubungannya dalam isu kepenggunaan di Malaysia dan menganalisa hubungan antara Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) menurut Bahagian II yang bertajuk Perlakuan Mengelirukan dan Memperdaya, Representasi Palsu dan Amalan tak Saksama. Kertas kerja ini menggunakan pendekatan komparatif iaitu membuat perbandingan antara undang-undang kontrak Islam berkaitan *khiyār* dengan akta yang berkaitan dengan hak pengguna. Kajian mendapati bahawa *khiyār tādliīs* boleh diaplikasikan di dalam undang-undang di Malaysia disebabkan terdapat peruntukan yang bersesuaian di dalam akta tersebut. Kajian ini turut mendapati konsep *khiyār* di dalam undang-undang Islam boleh diperluaskan di dalam muamalah masyarakat Islam di Malaysia

Kata Kunci : *Khiyār Tādliīs*. Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599). Hak Pengguna. Jualan barangan

Abstract

Consumer rights in the transaction of goods is very important and constantly debated in the mass media such as in electronic media. Consumer rights must be given a priority because it will prevent any fraud, forgery and any errors during transactions. Among the highlights are the rights of an element called khiyar. Khiyar is a right granted to the seller and the buyer to continue or abort the transaction. It is important for consumers to save them from sellers who are not responsible. This paper seeks to analyze the types

and reveal khiyar applications in regards to consumer issues in Malaysia and analyze the relationship between the Consumer Protection Act 1999 (Act 599) in accordance with Part II, on the Conduct misleading, deceptive, false representation and unfair practice by khiyār element containing the rights of the seller and the consumer. This paper uses a comparative approach between Islamic contract law related khiyār with laws related to the rights of consumers. The study found that khiyār could be applied in Malaysian law because there are appropriate provisions in the Act. The study also shows that the khiyār concept in Islamic law can be extended in the Muslim community transaction in Malaysia

Keywords: Khiyar Tadlis. Consumer Protection Act 1999 (Act 599). Consumer Rights. Sales and Goods law

PENDAHULUAN

Isu hak pengguna dalam konteks kontrak jual beli adalah satu perkara yang sangat penting dan merupakan perkara yang masih menjadi wacana dan perdebatan di kalangan masyarakat. Perkara ini timbul akibat daripada beberapa permasalahan yang masih berlegar dari aspek undang-undang dan juga sikap yang kurang diambil perhatian oleh kalangan pengguna sendiri terutama semasa melakukan transaksi jual beli. Akibat daripada kekurangan maklumat serta hak dan tanggungjawab ini maka boleh menimbulkan implikasi buruk terhadap transaksi terbabit. Menurut Mohaji (2005) menjelaskan bahawa pengguna masih tidak terlindung ketidaksediaan dan kekurangan pengetahuan tentang hak pengguna telah memberi kesan langsung terhadap berlakunya kesilapan dan kelemahan dalam aspek berkontrak. Kekurangan maklumat kalangan penggunaan terhadap hak mereka memungkinkan terjadinya masalah sedemikian. Menurut Mastura Mohd Zain (2010), pengguna hari ini haruslah lebih bijak dalam menentukan setiap tindakan agar tidak ditindas oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab. Kefahaman dan pengetahuan tentang hak mereka yang termaktub dalam undang-undang adalah penting agar hak kepenggunaan dapat dilakukan dengan sebaiknya. Lantas usaha penipuan, pemalsuan dapat dielakkan hasil kesedaran pengguna yang betul. Oleh sebab itu suatu tindakan bersepadu harus dilakukan dalam memastikan hak kepenggunaan ini dapat dimartabatkan.

Perlindungan Pengguna merujuk kepada perlindungan terhadap perbuatan yang salah dan teknik mengeksploitasi oleh penjual terhadap pengguna yang boleh memberi kesan kepada pengguna.(Anwar:2010) Terdapat tiga aspek utama berkenaan dengan perlindungan pengguna. Pertama ialah perlindungan secara fizikal seperti perlindungan daripada sebarang

barangan dan perkhidmatan yang boleh memberi kesan buruk kepada pengguna. (Mohanty:1984) Kedua adalah perlindungan dari segi memelihara kepentingan ekonomi pengguna termasuklah memelihara pengguna daripada penipuan dan amalan tak saksama dalam perdagangan.

Di Malaysia perkembangan ekonomi adalah hasil daripada kerjasama rakyat, kerajaan dan agensi swasta. Oleh yang demikian hak kepenggunaan dijangka akan berkembang selaras dengan perkembangan ekonomi yang akan dapat menguatkan lagi pengguna dalam jual beli barangan dan perkhidmatan. Perkembangan ekonomi yang semakin meluas melalui liberalisasi ekonomi dijangka akan memberi kesan terhadap kuasa pengguna. Oleh yang demikian selaras dengan perkembangan ekonomi dalam negara maka kuasa dan hak pengguna juga memastikan perundangan akan disediakan.(Rachagan: 1988). Selaras dengan perkembangan ini, penghujung era 90 an, pihak kerajaan telah memperkenalkan Akta Perlindungan Pengguna 1999. Akta ini bertujuan memelihara hak pengguna di Malaysia bagi mengukuhkan lagi Akta Kontrak dan Akta Jualan Barangan 1957. Selaras dengan pengukuhan ini Akta ini telah memperkenalkan Tribunal Tuntutan Pengguna untuk memastikan keberkesanan hak tuntutan pengguna yang bakal timbul di bawah Akta ini (Sakina et.al:2013). Tahun 2010 pula telah menyaksikan telah dilaksanakan penambaan Akta Perlindungan Pengguna sebagai satu langkah ke hadapan dalam mengukuhkan akta terbabit.(Sakina: 2012). Akta ini adalah yang pertama diwujudkan khusus untuk melindungi pengguna khususnya dalam jualan barangan. (Sakina:et.al:2013) Akta ini secara khusus memperuntukkan tujuan penubuhannya adalah untuk menyediakan perlindungan kepenggunaan, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Kebangsaan (NCCC) dan penubuhan Tribunal Tuntutan Pengguna. Akta Perlindungan Pengguna 1999 ini juga menyediakan perlindungan terhadap sebarang perlakuan mengelirukan, kerosakan barangan, respresentasi palsu dan amalan tak saksama. Peruntukan ini dinyatakan di bawah bahagian II Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang mana memberi perhatian langsung terhadap menyediakan maklumat yang lengkap dan benar kepada pengguna diatas sikap ketidakjelasan dalam kontrak barangan dan perkhidmatan.(Naemah:et.al:2013) Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan dalam memastikan bagaimana amalan dan perundangan yang menyediakan hak kepada pengguna supaya kontrak berlaku dalam keadaan yang baik tanpa sebarang sifat yang boleh merosakkan.

Dalam konteks kontrak muamalah, Islam telah menyediakan satu ruang yang sangat penting dalam memastikan ianya terlaksana dengan penuh saksama. Salah satu hak kontrak tersebut adalah hak khiyār atau dimaksudkan sebagai hak pilihan. Hak Pilihan ini sebagai satu peruntukan di bawah undang-undang Islam kepada pengguna supaya mengelakkan sebarang perlakuan yang boleh mendatangkan penipuan, pemalsuan dan ketidakjelasan. Khiyar tersebut dikenali sebagai *khiyār tādliṣ*. *Khiyār Tādliṣ* (pilihan penipuan) adalah hak *khiyār* kepada pembeli atau penjual samada mahu meneruskan kontrak dari sebarang penipuan. Hak ini penting dan sangat relevan dalam memastikan kontrak berjalan dalam keadaan penuh kerelaan dan bertepatan dengan syarak.

Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang *khiyār Tādliṣ* (penipuan) menurut hukum kontrak Islam di samping menghurai hubungannya hak pengguna menurut Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) khusus dalam Perkara II berkenaan dengan Perlakuan mengelirukan, memperdaya, representasi palsu dan amalan tak saksama. Penulis juga akan menganalisis tentang perbandingan *khiyār tādliṣ* dengan hak perlindungan pengguna menurut Akta dalam bahagian II terbabit. Pendekatan perbandingan ini akan memberi pendedahan agar melihat beberapa penelitian tentang khiyār tādliṣ yang boleh diteroka sebagai mengukuhkan lagi hak pengguna menurut Akta Pengguna yang telah sedia ada.

DEFINISI KHIYĀR TADLĪS

Istilah tādliṣ berasal dari bahasa Arab yang bermaksud gelap, seumpama penjual membawa pembeli ke dalam kegelapan sehingga ia tidak sempurna melihat keadaan barang tersebut. Ini bermakna tādliṣ adalah upaya menampakkan barang dalam bentuk yang tidak sesuai dengan kenyataannya. (Mu'jam al-Wasit : 1961). Dalam Majallah al-Ahkām al-Syar'iyyah, tādliṣ menurut Mazhab Imam Ahmad adalah perbuatan pembeli tertipu , iaitu dalam barang dagangan ada sifat atau karakteristik penambahan harga atau menyembunyikan kecacatan. (Nazih Hammad: 2008). Tādliṣ adalah bermaksud transaksi yang mengandungi suatu hal yang tidak diketahui oleh salah satu pihak. Imam Nawawi mengatakan bahawa pelarangan jual beli yang mengandungi unsur ketidaktahuan merupakan hal yang dilarang dalam Islam. (Sayed Sabiq: 2006). Setiap transaksi dalam Islam harus didasarkan pada prinsip kerelaan antara kedua belah pihak, mereka harus mempunyai informasi yang sama (*complete information*) sehingga tidak ada pihak yang merasa ditipu/dicurangi kerana ada sesuatu yang tidak diketahui oleh satu pihak.

Menurut al-Ba'ly (1991) yang dimaksud dengan penipuan (tadlis) adalah suatu upaya untuk menyembunyikan kecacatan pada objek kontrak dan menjelaskan dengan gambaran yang tidak sesuai dengan kenyataannya untuk menyembunyikan pihak yang berkontrak dan akibatnya merugikan salah satu pihak yang berkontrak. Al Ba'ly (1991) juga menjelaskan bahawa penipuan (tadlis) ada tiga bentuk iaitu pertama penipuan yang bentuk perbuatan iaitu menyebutkan sifat yang tidak nyata pada objek kontrak manakala kedua penipuan yang berupa ucapan, seperti berbohong yang dilakukan oleh salah seorang yang berkontrak untuk mendorong agar pihak lain melakukan kontrak. Penipuan juga dapat terjadi pada harga barang yang dijual dengan menipu memberi penjelasan yang menyesatkan dan ketiga penipu dengan menyembunyikan cacat pada objek kontrak, walaupun mereka mengetahui kecacatan objek tersebut. Terdapat 2 jenis tadlis menurut pandangan ulama :

1. Tadlis dalam jumlah (kuantiti)

Tadlis (penipuan) dalam kuantiti bermaksud menjual barang kuantiti yang sedikit dengan barang kuantiti yang banyak. Contohnya menjual baju sebanyak satu lori. Ini kerana jumlah yang banyak dan tidak memungkinkan pembeli untuk mengira satu demi satu. Oleh yang demikian pihak penjual berkemungkinan melakukan penipuan dengan mengurangi jumlah barang yang dijual kepada pembeli.

2. Tadlis dalam kualiti

Tadlis (penipuan) dalam kualiti bermaksud menyembunyikan cacat atau kualiti barangan yang buruk yang tidak sesuai dengan apa yang dipersetujui di antara penjual dan pembeli. Contohnya penjual menjual komputer jenis Pentium III dalam keadaan yang baik dengan harga RM 1500. Secara realiti tidak semua penjual menjual barangan dengan keadaan kualiti yang sama. Sebahagian penjual komputer menjual barangan tersebut dengan kualiti yang lebih rendah tetapi menjualnya dengan harga yang sama. Oleh kerana itu pembeli tidak dapat membezakan diantara kualiti komputer yang dibeli.

Menurut Billah (2006) pula tadlis bermaksud pilihan penipuan dari kontrak jualan barangan di mana penjual menyembunyikan aspek tertentu yang dijualnya dan ianya membawa kepada pembeli ditipu. Penyembunyian itu tidak dibenarkan dan menjadikan kontrak itu boleh dibatal atas pilihan pembeli bilamana ia menyedari penyembunyian tersebut maka pembeli

bebas untuk mengesahkan kontrak atau ditarik balik (ibid). Manakala menurut Coulson (1984) pula bahawa hak untuk *khiyār al-Tadlīs* tertakluk kepada keupayaan pembeli untuk membuktikan dalam masa yang munasabah dari masa penemuan penipuan yang perjanjian untuk kontrak itu telah diperoleh melalui penipuan sengaja atau salahnyataan oleh penjual tersebut.

Secara umum penulis bahawa elemen tadbis ini suatu keadaan kontrak dimana melibatkan unsur ketidakjujuran dan menyembunyikan sesuatu kebenaran diantara pihak yang berkontrak. Aspek ini adalah sesuatu yang sangat dilarang oleh Islam dan boleh merugikan pihak yang berkontrak.

PENSYARIATAN *KHIYĀR TADLIS*

Kebanyakan ulama fiqh menjelaskan bahawa (penipuan) tadbis adalah perkara penting yang diambilkira dalam menentukan pengesahan sesuatu kontrak. Menurut Mazhab Hanafi dua elemen penipuan (tadbis dan taghrir) bergerak seiring bagi menentukan sesuatu kontrak itu sah. Penipuan semata-mata tidak menentukan sesuatu kontrak batal melainkan dengan adanya ghabn. Istilah tadbis berasal dari kata dasar “dallasa’ bermaksud menyembunyi atau menipu. Menurut Schacht (1964) tadbis bermaksud menyembunyi kerosakan dan kesilapan barangan daripada pembeli. Menurut Hukum Kontrak Islam pembeli yang tertipu dengan tadbis memiliki hak khiyār untuk meneruskan atau membatalkan transaksi yang dilakukan. Berdasarkan kepada hak yang diberikan ini menurut hadith Abu Hurairah Radhiyallahu :

“Janganlah kamu melakukan *at-taşriyah* (menahan air susu tanpa diperas) pada unta dan kambing. Siapa yang membelinya (sapi atau kambing dalam keadaan sudah ditahan susunya, maka dia boleh memilih satu di antara dua (samada meneruskan transaksi atau membatalkannya) setelah memeras susunya apabila dia ingin maka ia menahannya (melanjutkan transaksinya) dan bila ingin, ia boleh juga mengembalikannya dengan tambahan satu sha’ kurma. (Wahbah : 1984)

Dalam hadith ini Rasulullah SAW melarang *at-taşriyah* yang mengandungi unsur tadbis dan baginda menyatakan *at-taşriyah* sebagai sebab khiyār. Ini menunjukkan syariat khiyār bila ada tadbis (pemalsuan) dalam suatu transaksi. Demikianlah, tadbis dalam jual beli diharamkan. Syariat membolehkan pembeli untuk mengembalikan barang dan meminta kembali wangnya. Pembelian sesuatu barangan yang berdasarkan sifat dan keadaan yang

diterima dari penjual dan seandainya pembeli mengetahui barang tersebut tidak sesuai dengan barangan tersebut tentu ia tidak ingin membelinya.

Oleh kerana itu wajib bagi seorang muslim untuk berlaku jujur dan menjelaskan hakikat sebenar barangan yang dijual dan dibeli. Rasûlullâh SAW bersabda :

Jual beli itu dengan khiyâr (hak pilih) selama belum berpisah atau hingga keduanya berpisah. Apabila keduanya jujur dan menjelaskan maka keduanya diberi barakah dalam jual beli mereka dan bila keduanya menyembunyikan aib dan berdusta maka barakah jual beli mereka dihapus (al-Bukhâri no. 1737)

Dalam hadith ini Rasulullah SAW mengajarkan umatnya agar berlaku jujur dalam jual beli dan baginda menjelaskan bahawa kejujuran itu akan mengundang barakah harta menjadi sebab terhapusnya barakah harta. Oleh kerana itu pihak berkontrak harus jujur dan mengelakkan sebarang tipu helah (taghrir). Tipu helah (taghrir) adalah menurut fuqaha' bagi menarik orang lain yang berkontrak untuk bersama mengadakan kontrak untuk memberi kebaikan kepadanya. (Wahbah: 1984). Menurut fuqaha' terdapat 3 jenis penipuan (tadlis) dalam berkontrak :

- a. Tadlis al-Fi'li (Penipuan melalui perbuatan)
- b. Tadlis al-Qawli (Penipuan melalui perkataan)
- c. Tadlis bi kitman al-haqiqah (penipuan menyembunyikan hakikat)

TADLIS AL-FI'LI

Penipuan dalam bentuk perbuatan adalah sesuatu tindakan atau perbuatan terhadap barangan yang dikontrakkan supaya ia nampak seperti bentuk asal. Ini bermaksud suatu tindakan penjual menukar bentuk asal supaya berlaku kesamaran (Wahbah: 1984). Antara contoh klasik yang paling masyhur adalah hadith tentang *al-Tasriyyah*. Hukum perbuatan menahan susu seperti contoh dalam hadith tersebut adalah supaya pihak penjual bahawa susu banyak dan ini menggambarkan suatu perbuatan menipu. Menurut Jumhur selain ulama hanafi ulama pihak berkontrak ini dibenarkan khiyar.(ibid)

TADLIS AL-QAWLI

Penipuan perkataan ini adalah lahir dari perkataan salah seorang daripada yang berkontrak yang akhirnya mempengaruhi untuk mengikat kontrak dengannya walaupun dengan kerugian. (Wahbah : 1984). Sebagai contoh salah seorang penjual berkata “Barang ini bernilai tinggi dan tiada tandingannya.” Atau jika kamu berikan sekadar ini harganya aku tidak akan terima : (Ibid). Tipuan sebegini adalah dilarang dalam Islam kerana wujud unsur menipu dan boleh mengakibatkan pihak satu lagi kerugian.

TADLIS BI KITMĀN AL-HAQIQAH

Penipuan ini adalah tindakan yang jelas melindungi kebenaran dan ini dinyatakan sebagai tadbis menurut ulama fiqh. Ia menyembunyikan kecacatan pada salah satu barang yang akan menjadi tukaran dalam jual beli. Hukum tipuan sebegini haram dari segi syarak dan jumbuh ulama bersetuju tentang keharaman tipuan sedemikian (Wahbah: 1984) Menurut Undang-Undang sivil syria perkara 126 dan 127 jelas memperuntukan khiyār tadbis daripada salah satu pihak yang berkontrak. (ibid).

DEFINISI HAK PENGGUNA

Setiap manusia secara umumnya adalah pengguna. Pengguna dari segi bahasa adalah merujuk kepada mengguna dan memakai sesuatu samada barangan, hasil perusahaan, bahan makanan dan lain-lain. (Kamus Dewan :2002) Manakala pengguna dalam bahasa arab adalah “*al-Mustahlik*” yang bermaksud seseorang yang berbelanja samada hartanya atau selainnya. (Mu’jam al Wasit : 1961). Manakala menurut undang-undang pula pengguna bermaksud :

“setiap orang yang membeli sesuatu produk bertujuan untuk menggunakannya atau seseorang yang membeli sesuatu barangan atau perkhidmatan untuk kegunaan peribadi atau kegunaan ahli keluarga atau tanggungannya atau untuk dipersembahkan kepada seseorang lain seperti hadiah, derma dan lain-lain.” (Tariq :1999)

Menurut John F Kennedy pengguna merangkumi semua orang. Ini telah ditegaskan dalam satu deklarasi di Dewan Kongres pada 15 Mac 1962 iaitu: ‘*Consumers, by definition, include us all, They are the largest economic group, affecting and affected by almost every public and private economic decision.* (Hamdan :1997). Namun sesetengah cendekiawan tidak menggolongkan semua manusia sebagai pengguna. Takrifan lain ada menyatakan pengguna

sebagai: *'A person to whom goods, services, credit are supplied or to be supplied by another in the course of a business carried on by him.'* (Nickelburg: 1979)

Namun menurut takrifan pengguna dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 “pengguna” ertinya seseorang yang—

(a) memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang pada lazimnya diperoleh bagi maksud,kegunaan atau penggunaan diri, rumah tangga atau isi rumah; dan

(b) tidak memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan itu, atau mengemukakan dirinya sebagai memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan itu, terutamanya bagi maksud—

(i) membekalkannya semula secara perdagangan;

(ii) menggunakannya dalam perjalanan suatu proses pengilangan; atau

(iii) dalam hal barang, memperbaiki atau mengolah, secara perdagangan, barang lain atau lekapan pada tanah; (Seksyen 3(1) APP 1999)

Dalam memahami erti dan maksud pengguna, setiap pengguna juga harus memahami dan menyedari akan hak yang telah ditetapkan dalam undang-undang. Antara hak yang ditetapkan adalah 8 hak yang dinyatakan di bawah (Hamdan : 1997) :

- a. Hak mendapat keperluan asas
- b. Hak mendapat keselamatan dan perlindungan
- c. Hak mendapatkan maklumat
- d. Hak mendapat gantirugi
- e. Hak membuat pilihan
- f. Hak bersuara
- g. Hak mendapat pendidikan pengguna
- h. Hak untuk hidup dalam alam sekitar yang sihat.

HAK KHIYĀR & PERLINDUNGAN PENGGUNA

Khiyār dalam erti kata yang sebenar dapat dijelaskan adalah hak yang diberikan kepada kedua-dua pihak atau kepada salah seorang daripada mereka untuk mengesahkan atau

membatalkan sesebuah kontrak. (Zaidan: 1969) Takrifan ini adalah satu makna yang mencakupi maksud umum khususnya dari segi bahasa. Dalam konteks perbincangan ilmu fiqh, dalam konteks hukum syarak terdapat pelbagai jenis khiyar. Beberapa Ulama Fiqh menyebut bahawa terdapat tiga belas jenis khiyār , manakala yang lain hanya tujuh, contohnya seperti khiyār dikenali dalam amalan termasuklah *Khiyār Majlis*, *Khiyār Sharṭ*, *Khiyār Ru'yah* dan *Khiyār 'Ayb*, *Khiyār Ghabn*, dan *Khiyār Tadlis*. (Wahbah :1984)

Dalam konteks perlindungan pengguna doktrin khiyār bukan sahaja melindungi pembeli dari implikasi jualan barang yang rosak sebelum kontrak dipersetujui tetapi juga ia memastikan penjual juga dipelihara. (Murshidi et.al :2013). Pembeli mempunyai hak menurut undang-undang Islam, untuk menggunakan pilihan sama ada untuk meneruskan kontrak atau tidak selepas mendapati kerosakan kepada barang-barang, tidak kira sama ada kerosakan itu dijumpai sebelum atau selepas perjanjian itu. Justeru dalam konteks perlindungan pengguna hak-hak dan kepentingan pembeli yang membeli barang-barang yang rosak dipantau dan dilindungi. Perlindungan ini adalah patut dipertingkatkan menurut undang-undang Islam terutama pembeli yang memerlukan barang-barang dagangan yang bebas daripada kerosakan atau kecacatan yang tidak diketahui pembeli.(Hamdan :1997)

Berikut adalah peranan yang amat penting dalam Islam untuk melindungi orang awam dari kesan pengaruh penjualan barangan rosak (Billah :1996):

1. Pembeli mempunyai hak untuk memeriksa barang-barang sebelum perjanjian itu dan memberi nasihat atau mengesahkan sama ada barang-barang yang akan dibeli adalah bebas daripada kerosakan.
2. Selepas penyerahan barang itu oleh penjual, jika pengguna mencari kerosakan kepada barang-barang yang telah wujud pada masa yang dimiliki oleh penjual, pengguna mempunyai hak untuk menolak atau menerima harga.
3. Jika penjual membuat penentuan pengecualian dan tidak menganggap dirinya bertanggungjawab bagi kerosakan kepada barang-barang, manakala kerosakan itu diketahui atau sengaja disembunyikan oleh beliau, menetapkan penafian tidak mempunyai kesan dan oleh itu, pengguna tidak terikat dengan penentuan pelepasan itu dan mempunyai pilihan untuk menolak atau menerima barangan.

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999 (Akta 599)

Akta Perlindungan Pengguna 1999 adalah merupakan satu peruntukan bagi melindungi pengguna. Penggubalan akta ini amat penting bagi memastikan hak pengguna terpelihara dan mampu mengatasi sebarang masalah khususnya dalam transaksi perniagaan. Selaras dengan aspirasi negara menggalakkan perdagangan sihat serta membanteras penindasan golongan yang lemah, APP 1999 telah diperkenalkan. Dengan berkuatkuasanya APP 1999 pada 15 November 1999, peruntukan-peruntukan APP 1999 yang menyentuh tentang pembekalan barang kini membentuk sebahagian daripada undang-undang jualan barang di Malaysia. (Zeti Zuriyani et.al : 2011). Justeru bagi menyahut laungan ini, APP 1999 telah digubal bagi memenuhi tiga tujuan utama yakni, (i) mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna; (ii) penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara; dan (iii) penubuhan Tribunal Tuntutan Pengguna. (Sakina et.all:2013) Penguatkuasaan AJB APP 1999 pada 15 November 1999 bermakna peruntukan-peruntukan APP 1999 yang menyentuh tentang pembekalan barang kini membentuk sebahagian daripada undang-undang jualan barang di Malaysia. (ibid)

Namun demikian pada tahun 2007, untuk lebih memantapkan lagi akta ini pindaan telah dilakukan kepada akta APP 1999 dengan meluaskan lagi kepada e-dagang melalui pemansuhan subseksyen 2(2) (g). Dan pada tahun 2010 pula telah berlaku perubahan besar dengan memperkenalkan Bahagian IIIA berkaitan terma tidak adil. Terma ini bertujuan mengukuhkan lagi tahap perlindungan pengguna di Malaysia. Walau bagaimanapun terma ini menyaksikan berlaku kelompongan yang besar di mana ianya sekadar menambah kepada peruntukan AJB 1957 dan Akta Kontrak 1950 yang mengandungi fasal pengecualian.

PERLAKUAN MENGELIRUKAN DAN MEMPERDAYA, REPRESENTASI PALSU DAN AMALAN TAK SAKSAMA

Dalam peruntukan Akta Perlindungan Pengguna 1999 dalam seksyen 2 ada memeruntukkan tajuk berkaitan dengan aspek-aspek yang merujuk kepada elemen-elemen yang boleh membawa kepada kesan negatif dalam kontrak. Ini disebut sebagai mengelirukan, memperdaya, representasi palsu dan amalan tak saksama. Kesemua elemen bertujuan memberi panduan kepada mereka yang berkontrak bahawa terdapat kesan dan impak dalam berkontrak dan terdapat kesan langsung yang harus dielak dalam berkontrak.

Bahagian II daripada Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) adalah merujuk kepada perlakuan mengelirukan dan kesilapan dan kerosakan. Seksyen ini juga bukan sahaja meliputi aspek barangan dan perkhidmatan namun juga hal ehwal tanah.

Menurut tafsiran dalam seksyen 8 Akta Perlindungan pengguna 1999 menjelaskan maksud bahagian termaktub dalam seksyen 8 (a) yang menafsirkan :-

(a) palsu dan mengelirukan atau memperdaya berhubung dengan perlakuan, respresentasi atau amalan termasuklah perlakuan, representasi atau amalan yang boleh menyebabkan seseorang pengguna melakukan kesilapan.

Istilah palsu yang digunakan dalam akta ini berdasarkan kata umum termasuklah mengelirukan, kerosakan termasuk perbuatan, representasi atau amalan yang mana merujuk kepada pemahaman yang boleh membawa pengguna kepada kesilapan. Manakala istilah mengelirukan dan kerosakan adalah sesuatu yang hampir sama. (Wu Min Aun:2010)

Berdasarkan tafsiran di atas jelas menunjukkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang yang melakukan suatu perkara yang berunsur mengelirukan pengguna, memperdaya pengguna yang boleh menyebabkan pengguna teraniaya. Menurut Seksyen 8 menjelaskan bahawa '*false*', '*misleading*' or '*deceptive*' termasuklah amalan , representasi atau amalan yang mana boleh membawa pengguna kepada kerosakan. Istilah palsu menghuraikan terma juga bermaksud tidak benar , salah dan tidak betul. Manakala perkataan perlakuan mengelirukan dan memperdaya hampir sama dan saling digunakan secara bersama.(ibid)

PERLAKUAN MENGELIRUKAN DAN MEMPERDAYA

Perlakuan mengelirukan menurut kamus dewan adalah adalah suatu tindakan menyebabkan orang menjadi keliru; membingungkan; menyesatkan. Manakala memperdaya bermaksud melakukan tipu helah (muslihat); menipu (Dewan Bahasa : 2004).

Menurut Seksyen 9 Akta Perlindungan Pengguna 1999 :

“ Tidak seseorang pun boleh melibatkan diri dalam perlakuan yang :-

- (a) berhubung dengan **barang** adalah mengelirukan atau memperdaya, atau mungkin mengelirukan atau memperdayakan orang ramai mengenai sifat, proses, pengilangan, ciri-ciri, kesesuaian bagi sesuatu maksud, atau kuantiti, barang itu; atau

- (b) berhubung dengan **perkhidmatan** adalah mengelirukan atau memperdaya, atau mungkin mengelirukan atau memperdayakan orang ramai mengenai sifat, proses, pengilangan, ciri-ciri, kesesuaian bagi sesuatu maksud, atau kuantiti, barang itu;

Mengelirukan :

- a. Sifat barangan
- b. Proses
- c. Pengilangan
- d. Ciri-ciri
- e. Kesesuaian satu maksud
- f. kuantiti

Secara umumnya dalam Seksyen 9, Akta Perlindungan Pengguna 1999 jelas memberi maksud bahawa perlakuan dalam berkontrak yang boleh membawa kepada mengelirukan atau menipu atau yang bersamaan dengan mengelirukan yang boleh membawa kepada kesilapan oleh pengguna. Beberapa contoh yang berkaitan dengan aspek mengelirukan. Contohnya :

- a. Menggunakan nama yang sama untuk perniagaan baru
- b. Menggunakan nama sama untuk produk baru

Tindakan perlakuan mengelirukan dan memperdaya menurut pandangan Islam adalah bersamaan dengan sikap menipu dalam melakukan penipuan dalam perniagaan. Sifat ini bertepatan dengan maksud Tadlis yang membawa maksud menipu.

Dari segi hukum fiqh tadlis juga boleh disamakan dengan penipuan. Ia juga memungkinkan misrepresentasi (ghabn) yang boleh membawa kepada kontrak yang tidak adil diantara kedua belah pihak yang berjual beli. Konsep tadlis juga dari segi istilah perundangan sebagai tidak jujur yang boleh mengakibatkan kontrak melakukan kesilapan. Oleh sebab itu ulama fiqh sentiasa mengaitkan bahawa penipuan dalam berkontrak dengan kerosakan. Oleh sebab itu kerosakan barangan adalah diakibatkan daripada penipuan. (Benjelayel:2012)

REPRESENTASI PALSU DAN MENGELIRUKAN

Begitu juga Menurut Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) juga menjelaskan bahawa :- Tiada seorang pun boleh membuat representasi palsu atau mengelirukan—

- (a) bahawa barang itu adalah daripada jenis, standard, kualiti, gred, kuantiti, komposisi, gaya atau model tertentu;
- (b) bahawa barang itu mempunyai sejarah tertentu atau kegunaan terdahulu yang tertentu;
- (c) bahawa perkhidmatan itu adalah daripada jenis, standard, kualiti atau kuantiti tertentu;
- (d) bahawa perkhidmatan itu dibekalkan oleh mana-mana orang tertentu atau oleh mana-mana orang yang mempunyai daya ketukangan, kelayakan atau kemahiran tertentu;
- (e) bahawa orang tertentu telah bersetuju memperoleh barang atau perkhidmatan itu;
- (f) bahawa barang itu baru atau dibaikpulihkan;
- (g) bahawa barang itu telah dikilangkan, dikeluarkan, diproses atau dibaikpulihkan pada sesuatu masa tertentu;
- (h) bahawa barang atau perkhidmatan itu mempunyai apa-apa tajaan, kelulusan, pengendorsan, ciri-ciri pencapaian, aksesori, kegunaan atau faedah
- i) bahawa orang itu mempunyai apa-apa tajaan, kelulusan, pengendorsan atau gabungan;
- (j) berkenaan dengan keperluan apa-apa barang atau perkhidmatan;
- (k) berkenaan dengan kewujudan, pengecualian atau kesan apa-apa syarat, gerenti, hak atau remedi; atau
- (l) berkenaan dengan tempat asal barang itu.

(Seksyen 10: Akta Perlindungan Pengguna 1999)

Menurut Liaquat Ali Khan (1991) bahawa tadelis (penipuan) in adalah pihak yang mengambil peluang daripada ketidakadilan dengan maksud yang salah dan ianya membawa kepada tanggungjawab moral. Jika diteliti dengan mendalam bahawa sikap penipuan dalam berkontrak ini adalah suatu tindakan yang dilarang dalam Islam sebagaimana dituntut menurut hukum syarak. Sejak awal kedatangan islam termasuk dizaman Nabi Muhammad SAW jelas melarang penjual melakukan usaha-usaha menyorok, menipu sebagaimana yang dihuraikan oleh ulama fiqh dalam isu Musarrat (Mohd Azam et.al: 2010) . Menurut Kod Undang-Undang islam terkenal yang bernama The Mejelle telah mengenal pasti beberapa maksud mengenai penipuan mengikut undang-undang Islam:

Article 356 (*excessive deception without fraud*):

“If there is an excessive deception without fraud in a sale, the person who is deceived cannot annul the sale. But the sale of property of orphans is made invalid by excessive deception, although it would be without fraud”

Article 357 (fraud and excessive deception):

“When one of the parties to a sale has defrauded the other, and it has been ascertained that there has been excessive deception, the person who is deceived can annul the sale”

Article 358 (fraud action for, does not pass to heirs):

“On the death of a person who has been deceived by excessive deceit, his action for fraud does not pass to his heirs”

Article 359 (loss of option by exercise of rights of ownership after discovery):

“If a purchaser who has been cheated, has, after it has been discovered that there has been excessive deception, in the sale, disposed of the thing sold, in a way which amounts to exercise of the rights of ownership over it, his right to annul the sale no longer exists.”

Article 360 (loss of option for fraud by change or destruction of thing):

“If a thing, which has been bought by fraud and excessive deceit, is destroyed or perishes, or if something new happens, like, in the case of a building site, a building being made on it, or a defect coming in the thing sold, the person who is deceived, has no right to rescind the sale”

KESIMPULAN

Secara umumnya artikel ini mendapati bahawa aplikasi konsep *khiyār* di dalam akta sedia ada khususnya Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) adalah amat penting dan diperlukan dalam konteks transaksi perniagaan pada hari ini. Kewujudan peruntukan Bab II yang memberi ruang dan peraturan agar tidak berlaku sebarang penipuan, pemalsuan dan tipu harga adalah bertetapan dengan kehendak hukum kontrak Islam namun ianya tidak digunapakai secara menyeluruh berdasarkan prinsip *khiyār* tadlis sebagaimana yang dihuraikan di atas. Penulis mendapati bahawa beberapa peruntukan dan seksyen dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 ini menepati unsur dan konsep *khiyār* tadlis walaupun begitu dikenalpasti terdapat banyak isu yang timbul kepada pengguna di berbagai peringkat yang perlu untuk diberikan penyelesaian mengenainya. Sesungguhnya pemerkasaan undang-undang di dalam kontrak jual beli khususnya dalam pemakaian Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) perlu untuk diperkemas dan merujuk kepada undang-undang kontrak sebagaimana yang diperuntukkan di dalam hukum Islam bagi menjamin kebajikan kedua belah pihak yang melakukan transaksi jual beli. Namun demikian, realiti semasa perlu diambilkira di dalam mengimplementasikan hukum Islam untuk diamalkan. Aplikasi *khiyār* dalam undang-undang kontrak boleh diperluas dan diperkemas bagi menjamin hak mereka yang berkontrak agar selaras dengan prinsip muamalat Islam. Pengharmonian undang-undang Islam dengan undang-undang kontrak di Malaysia mampu untuk memberi garis keluar

kepada sebarang masalah samada berkaitan transaksi dan mengembalikan hak dan tanggungjawab penjual dan pembeli selari dengan tuntutan syarak.

RUJUKAN

Ahmad Hidayat Buang, 2000, *Studies in The Islamic Law of Contract, The Prohibition of Gharar*. Kuala Lumpur: International Law Book Service

Al-Kasāni. 1910, *Badā'i' al-Sana' fi Tartib al-Syara'* V, jilid. 5

Anwarul Yaqin ,1996 *Law and society in Malaysia*, ILBS

Abdul Halim Mahmud al Ba'ly.1991, *Al Istismār wa al Riqābah al Syar'iyyah fi al Bunūk wa al Muassasah al Māliyyah al Islāmiyyah*, Maktabah Wahbah al Qahirah, Cairo Mesir

Al-Mu'jam al Wasit, 1961, *Majma' al-lughah al-Arabiah*, Kaherah, Jil 2

Al-Kasāni .1910, *Bada'i' al-Sana' fi Tartib al-Syara'* V, jilid. 5

Benjelayel, K.2012, *Islamic Contract Law*, <http://ssrn.com/abstract=2019550>

Mohaji Selamat, 2005, “ *Urusan Jual Beli: Pengguna mas masih tidak terlindung di Malaysia*.Carian daripada laman <http://www.malaysianbar.org.my>

Mastura Mohd Zain, 2010,” *Pengguna Prihatin Matlamat Semua*. Carian daripada Laman <http://www.ikim.gov.my>

Mohanty. 1984, *Consumer protectio: A challenge task” in consumer protection and legal control*, edited by P. Leelakrishnan, Eastern Book Company, Lucknow India
For Example, The Trade Description Act 1972 (Act 87), The Price Control Act a9146 (Act 121), The Weight and Measures Act 1972 (Act 71), Part II of the Consumer Protection Act 1999 (Act 599)

Rachagan, S.S. 1988, *The Small claims Court. Concept and development complaint. Handling and the small claim court.*

Sakina et.al. 2013, *Consumer Contracts of Sales of goods : The legal Dilemma in Malaysia*, *Malaysian Journal of Consumer And Family Economics*.

Liaquat A. K. N.1991, *Islamic Law of Contract*, Research Cell, Dyal Sing Trust. Library Lahore

Naemah Amin, Roshazlizawati Mohd Nor. 2013, *Online Shopping in Malaysia: Legal Protection for E-Consumer*, *European Journal of Business and management*, Vol.5

Kamus Dewan, Edisi ke-3, 2002, Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd. Hamdan Hj Adnan, 1987. *Kepenggunaan*, ITM: Biroteks

J. Nickelburgh. 1979, *Consumer Protection*, Professional Book, 4 seksyen 3 Akta Perlindungan Pengguna 1999

Sakina Shaikh Ahmad Yuspf, Rahmah Ismail, 2011, *Perlindungan Pengguna di bawah Undang-Undang pembekalan barangan dan perkhidmatan*, Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat

Sayyid Sabiq .2006, *Fiqih Sunnah, Jilid 4*, terjemahan dari Nor Hasanuddin dengan judul asli *Fiqhus Sunnah*, Jakarta: Pena Pundi Aksara

Schacht, 1964. *An Introduction to Islamic Law*, Oxford Press, Oxford

Wu Min Aun, 2001, *Consumer protection act 1999: Supply of Goods and Services*, Longman :
Malaysia

Wahbah Zuhaily (t.t), *al-Fiqh al-Islām Wa adillatuhū*

Zeti Zuryani Mohd Zakuan, Sakina Shaikh Ahmad Yusof. 2011, *Gerenti tersirat di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999: Penambahbaikan ke atas kepada syarat tersirat di bawah Akta Jualan Barangan 1957*, Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat

Zaidan, Abd Karim. 1969. *Al-Madkhal Li al-Dirāsah al-Syariāh al-Islāmiah*. Iskandariah :
Dār
Umar al-Khattab

Akta/Statut

Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599)